

## **INOVASI SISTEM PENDIDIKAN DAN STRATEGI PENGAJARAN BAHASA ARAB DI ERA MILENIAL 4.0**

*Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis  
draqsha@gmail.com*

*Pusat Kembangan Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Siti Hajar Taib  
aza790219@gmail.com*

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Mohd Azaharin Ismail  
arin\_punye@yahoo.com*

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Kemajuan teknologi dunia di era milenial 4.0 telah membawa perubahan yang signifikan dalam dunia pendidikan Bahasa Arab. Inovasi dalam pendidikan adalah dibenarkan oleh Islam kerana Islam itu bukan jumud dalam pemikiran dan bukan statik dalam amalan. Inovasi strategi pengajaran dan pembelajaran diperlukan bagi memenuhi cara pembelajaran yang disukai oleh golongan milenial. Tujuan artikel ini adalah untuk mengenalpasti inovasi strategi pengajaran yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab terutamanya di era milenial 4.0. Secara khususnya, objektif kajian adalah untuk membincangkan cara mengajar Bahasa Arabic menggunakan teknologi digital. Penggunaan teknologi digital adalah salah satu strategi ini bagi memastikan guru dapat merancang sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik dan efisien. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk bahan ilmiah seperti buku, artikel, jurnal, kertas prosiding yang berkait dengan tajuk. Hasil kajian mendapati inovasi sistem pendidikan dan strategi pengajaran amat diperlukan dalam pengajaran bahasa Arab terutama kepada pelajar yang terdiri daripada penutur bukan jati bahasa Arab bagi menguasai bahasa Arab di era globalisasi.

**Kata Kunci:** Sistem Pendidikan; Strategi Pengajaran; Bahasa Arab; Teknologi Digital, Milenial 4.0

## **INNOVATION IN EDUCATION SYSTEM AND STRATEGY FOR ARABIC LANGUAGE IN MILLENNIAL ERA 4.0**

### **ABSTRACT**

The technological advances in the era of millennial 4.0 have brought significant changes to the world of Arabic education. Educational innovation is permissible in Islam because Islam is not stagnant in thinking and it is not static in practice. Innovation in teaching and learning is needed to tailor the learning preferences of the millennial. The purpose of this article was to identify the innovative teaching strategies used in teaching and learning Arabic especially in the era of millennial 4.0. Specifically, the objective of the study was to discuss ways to teach Arabic using digital technologies. The usage of digital technology was one of the strategies to ensure that teachers can plan teaching and learning sessions more efficiently and effectively. This study used the library method to search and examine scholarly materials such as books,

articles, journals, and proceeding papers related to the topic. The findings show that the innovations of the education system and teaching strategies are essential in Arabic language teaching especially for students who are non-native speakers of Arabic to master Arabic language in the globalization era.

**Keywords:** Education system; Strategy Teaching; Arabic language; Digital Technology; Millennial 4.0

## **PENDAHULUAN**

Sebelum kedatangan Islam di Tanah Melayu, pengaruh bahasa Sansakerta meluas di bumi Melayu. Sehingga abad 13 Masihi, kedatangan Islam ke Tanah Melayu seterusnya pengaruh bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu mula merebak sehingga abad 14 Masihi. Dijelaskan juga Rafâ'il Nakhlah Al Yasu'iy (1986 ) bahawa bahasa Arab merupakan satu bahasa yang berkembang dan digunakan bukan saja di benua Arab, bahkan ia terus berkembang ke benua Asia, Afrika dan Eropah semenjak 14 kurun yang lampau. Melihat kepada perkembangan ini menurut Abdul Rauf Hassan (2002), ternyata bahasa Arab memiliki kekayaan sinonim, antonim, akronim dan gaya bahasa yang tidak boleh ditandingi oleh mana-mana bahasa yang lain. Pengaruh bahasa Arab semakin kuat sehingga melenyapkan bahasa Sansakerta seiring dengan kuatnya pengaruh Islam di tanah Melayu.

Dalam era perkembangan revolusi industri (IR) 4.0, Bahasa merupakan salah satu elemen yang di lihat penting dalam mendepani cabaran revolusi ini. Bahasa Arab merupakan bahasa yang diperlukan selain bahasa asing yang lain dalam merealisasi IR 4.0 yang semakin mencabar. Keperluan bahasa Arab dalam revolusi ini dilihat melalui keperluan dalam berinteraksi dengan pelabur dan tetamu kehormat dari Timur Tengah. Sistem pendidikan di Malaysia di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersedia dengan kehadiran revolusi industry 4.0 ini dengan menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM 2013-2025) sebagai panduan guru. Pelan perancangan ini menjelaskan keperluan strategi pengajaran pemusatan murid berbanding strategi konvensional atau pemusatan guru yang terdahulu. Strategi pemusatan murid yang dibina lebih menggunakan kaedah teknologi ICT dan kolaborasi.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini mengenalpasti perkembangan sistem pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenalpasti strategi pengajaran bahasa Arab yang digunakan di era milenial (IR) 4.0. Kajian ini memberi impak kepentingan kepada pihak jabatan pelajaran negeri, pihak sekolah dan juga guru bagi memastikan pelaksanaan strategi pengajaran bahasa Arab lebih berinovasi selari dengan era milenial (IR) 4.0.

## **METODODLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk bahan daripada sumber ilmiah buku, artikel jurnal dan kertas kerja prosiding. Media sosial juga medan sumber pencarian bahan. Sumber maklumat yang diperoleh menjadi panduan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang isu yang dikaji.

## **SISTEM PENDIDIKAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA**

Bahasa Arab merupakan bahasa ketiga di Malaysia. Walaubagiamana pun, perkembangan bahasa Arab di Malaysia berkembang dengan baik secara berperingkat mengikut lima fasa evolusi pendidikan Malaysia iaitu: zaman Pra Merdeka (sebelum 1957), zaman Pasca Merdeka

(1957-1970), zaman Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), zaman Pembangunan Negara (1991-2000) dan zaman Wawasan 2020 (2001 hingga kini ).

## TANAH MELAYU

Bahasa Arab di Malaysia bukan bahasa baharu. Sejarah Tanah Melayu antara faktor perkembangan bahasa Arab di Malaysia. Kedatangan pedagang-pedagang Arab dari tanah Arab ke Tanah Melayu membawa pengaruh Islam ke Tanah Melayu. Menurut Rosni Samah (2009), pada permulaan bahasa Arab berkembang dalam hubungan antara pedagang Arab dengan masyarakat tempatan sebagai bahasa perhubungan atau komunikasi dalam berdagang. Maka secara tidak langsung, bahasa Arab turut mengalami perkembangan dan diperkenalkan di Tanah Melayu. Menurut kajian al- Nadawi et.al (1990) teori kedatangan bahasa Arab serentak dengan kemunculan Islam di Malaysia bukanlah suatu yang menghairankan kerana bahasa Arab merupakan kunci untuk memahami agama Islam. Oleh sebab bahasa arab ialah bahasa al Quran dan hadis yang menjadi sumber utama.

Agama Islam merupakan faktor utama perkembangan bahasa Arab ke Malaysia sehingga kini. Kesungguhan masyarakat Islam di Malaysia mendalami ilmu agama mengembangkan lagi bahasa Arab ke seluruh pelusuk Malaysia. Dari pendidikan yang tidak formal sehingga menjadi sukatan pelajaran dalam kurikulum pendidikan untuk sekolah rendah , menengah sehingga ke institut pengajian tinggi. Dari segi perkembangan bahasa Arab, faktor pendidikan banyak membantu berbanding dengan faktor lain. Sejarah pendidikan awal bahasa Arab bermula sejak institusi Pondok diperkenalkan pada awal abad ke 19.

## SISTEM PONDOK

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, '*sekolah pondok*' merupakan institusi pengajian dan pendidikan Islam secara tradisional. Menurut ShafieAbu Bakar (1984) istilah "Pondok" berasal dari bahasa Arab yang bermaksud tempat tinggal sementara. Dalam konteks ini, pondok adalah institusi pengajian bagi para pelajar yang datang menghuni dalam jangka masa sementara dan ia didirikan dalam kawasan tertentu di sekeliling pusat pengajian yang berasaskan masjid, surau dan lain-lain.

Sekolah pondok adalah sebuah kawasan yang di dalamnya terdapat institusi pengajian Islam yang berbentuk tradisional. Terdapat rumah-rumah kecil yang didirikan berasingan. Di sini bahasa Arab telah dipelajari di Malaysia sejak 1820M. Matapelajaran ini dilaksanakan secara formal atau tidak di pondok-pondok tersebut. Menurut Luqman Yusuf (2000) sistem pengajian ini terus berkembang maju di beberapa negeri seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan. Pondok-pondok itu dikenali melalui nama guru yang menjadi pengasas atau nama tempat/kampung pondok dibina seperti Tok Kenali dan pondok Pasir Tumbuh di Kelantan.

Dari segi pembelajaran sukatan pembelajaran yang didedahkan kepada para pelajar adalah tidak tersusun, ia bergantung kepada kemahiran guru. Antara mata pelajaran yang diajar ialah tauhid, tafsir, fekah, nahu saraf, hadis, doa-doa yang ada kaitan dengan kehidupan seharian. Kitab-kitab yang dipelajari di pondok ini pula terdiri daripada kitab-kitab turath yang muktabar karangan ulama-ulama mujahidin dan lain-lainnya dalam bahasa Arab. Para pelajar juga didedahkan dengan kaedah menulis dan menguasai kaedah jawi dan bahasa Arab.

Sistem pondok lebih memfokuskan kepada tatabahasa dan morfologi bahasa Arab. Penekanan kepada kefahaman tatabahasa ini, menyebabkan pelajar-pelajar di pondok mampu untuk membaca kitab-kitab berbahasa arab dan memahami ilmu yang dipelajari. Namun, pada tahun 1945, sistem pondok ini semakin merundum berikutan kedatangan Jepun ke Tanah Melayu sehingga sistem pondok ditukar kepada sistem madrasah. Kemerosotan sistem pondok

terus timbul dengan perubahan-perubahan dalam perkembangan Islam di negeri Kelantan, di mana sistem pondok terpaksa bersaing dengan sekolah-sekolah Agama (atau dipanggil Arab) Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).

### SEKOLAH AGAMA NEGERI

Setelah sistem sekolah ditubuhkan, sekolah agama negeri turut dibina bagi meneruskan matapelajaran bahasa Arab di setiap negeri. Antara negeri yang terlibat dalam membina sekolah agama negeri ialah negeri Selangor bermula pada akhir abad ke -19. Madrasah Marta lil Ulum al Diniah telah ditubuhkan di Bandar DiRaja Klang. Madrasah Parit Lima Sungai Besar telah ditubuhkan dan penubuhan madrasah itu merupakan titik tolak pendidikan Arab sepenuhnya apabila almarhum *al-Sayyid Abdul Azizi al-Syaimi al-Misri* (1937) telah membuat pembaharuan dengan menggalakkan pelajar-pelajar berbahasa arab. Ketika pengunduran tentera Jepun (1946), bilangan sekolah agama semakin bertambah antaranya penubuhan Madrasah Unwan al Saadah di Kanchong Darat, Banting Kuala Langat.

Pada tahun 1946, apabila Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor ditubuhkan oleh Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, secara tidak langsung pengurusan sekolah-sekolah agama telah ditingkatkan demi memartabatkan pendidikan Islam dan sekolah-sekolah agama di negeri Selangor. Bermula daripada tahun 1946, pihak Jabatan Hal Ehwal Islam telah mula melantik guru-guru agama rendah yang ditugaskan di sekolah agama dari darjah satu hingga darjah lima. Pada tahun yang sama juga, Madrasah Ahliah Othmaniah untuk kaum wanita telah ditubuhkan di Klang yang diasaskan oleh Allahyarham Tuan Haji Othman.

Madrasah tersebut merupakan sebuah sekolah arab bagi kaum wanita. Tahun 1948 - 1953 menyaksikan penubuhan sekolah-sekolah rendah agama di daerah Kuala Langat antaranya:

- (a) Sekolah Agama Kanchong Darat
- (b) Sekolah Agama Sungai Lang
- (c) Sekolah Agama Labohan Dagang
- (d) Sekolah Agama Bukit Changgang

Pada tahun 1952, setelah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor ditubuhkan, secara tidak langsung pengurusan sekolah-sekolah agama cuba ditingkatkan demi memartabatkan pendidikan Islam dan sekolah-sekolah agama di negeri Selangor. Tahun 1954 menyaksikan tertubuhnya beberapa buah sekolah agama dan Arab antaranya

- (a) Sekolah Arab di Sabak Bernam (asas penubuhan Maahad Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah)
- (b) Sekolah Arab Kajang (dikenali Maahad Hamidiah Kajang).
- (c) Sekolah Arab Putera Puteri Jeram.
- (d) Sekolah Arab Batang Kali.

Pada tahun 1960, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan dua bentuk aliran persekolahan iaitu:

- (a) Sekolah Arab hingga Rabi Thanawi. Kesemua mata pelajaran/pengantar bahasa dalam bahasa Arab.
- (b) Sekolah Agama darjah Khas. Pengantar bahasa menggunakan bahasa Melayu dan kitab-kitab jawi karangan ulama di ajar di samping mata pelajaran bahasa Arab.

Sistem pelajaran agama aliran Arab telah dihapuskan pada tahun 1976 manakala sistem pelajaran agama darjah khusus dihapuskan pada tahun 1977 yang menyebabkan terhapusnya sijil "Rabi<sup>c</sup> Thanawi" dan Sijil Darjah Khas Sekolah-sekolah Agama. Ekoran daripada peristiwa berkenaan, pada tarikh 01 Januari 1977, sistem pengajian agama di negeri Selangor telah dibahagikan kepada dua peringkat iaitu;

- 1) Darjah satu hingga enam (peringkat rendah).

2) Tingkatan satu hingga enam atas (peringkat menengah).

Sistem dua peringkat dilaksanakan hingga kini dengan sedikit perubahan dari segi peperiksaan. Di peringkat rendah, Peperiksaan Sijil Darjah Enam (SDE) yang diperkenalkan pada tahun 1978, telah digantikan dengan Sijil Penilaian Rendah Agama (1994) dan kemudiannya digantikan dengan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) pada tahun 2000. Peringkat menengah juga mengalami sedikit perubahan apabila peperiksaan Sijil Pelajaran Agama yang dilaksanakan ketika tingkatan enam bawah dimansuhkan dengan adanya Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pada tahun 2000. Ketika ini, sistem sedia ada dilaksanakan adalah berdasarkan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah Agama (KPISRA) di peringkat rendah dan Kurikulum Al-Azhar serta Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah di peringkat menengah. Pertukaran sistem peperiksaan tersebut tidak mengubah sukatan pelajaran bahasa Arab yang menjadi objektif utama dalam sistem pendidikan sekolah agama negeri Selangor.

Negeri lain yang memartabatkan bahasa Arab dalam pendidikan ialah negeri Johor. Sekolah agama negeri Johor mula dibina pada tahun 1918 yang dikenali dengan sekolah al-Quran kemudian pada tahun 1920 ditukar kepada Sekolah Kitab. Silibus matapelajaran sekolah agama negeri Johor bukan sekadar al-Quran tetapi ditambah dengan matapelajaran lain termasuk bahasa Arab. Sehingga kini kerajaan negeri menggunakan buku bahasa Arab iaitu Kitab Turath bagi silibus *Matlaal Badrain Wamajmaal Bahrain*.

### **SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN**

Pada permulaan, matapelajaran bahasa Arab hanya di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) bermula pada tahun 1977, berasal daripada Sekolah Agama Negeri oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Penubuhan SMKA ini merupakan idea Pengarah Bahagian Agama Kementerian Pelajaran ketika itu, Allahyarham Tuan Haji Nik Mohammed Mohyideen bin Haji Wan Musa. Penubuhan SMKA ini menjadi hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia dan rakyat yang tahu akan faedahnya. SMKA berkembang daripada 11 buah sekolah kepada 55 buah. Penambahbaikan sistem mengikut perkembangan semasa serta seiring usaha pemodenan sistem pendidikan Negara.

Pembelajaran matapelajaran bahasa Arab di peringkat menengah tidak terhenti di SMKA sahaja. Kementerian Pelajaran Malaysia dalam mengembang matapelajaran ini dengan memperkenalkan kelas aliran agama (KAA) di sekolah menengah harian bermula pada tahun 1990. Kelas aliran ini ditubuhkan bagi memberi peluang kepada pelajar tingkatan 1 yang tidak berpeluang untuk ke SMKA, namun mereka mempunyai minat untuk mempelajari bahasa Arab. Kelebihan pelajar aliran KAA ini sama seperti pelajar SMKA, di mana mereka berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA dalam jurusan bahasa Arab atau agama. Mereka juga berpeluang menyambung pelajaran ke Timur Tengah dengan mengambil Sijil Tinggi Agama Menengah (STAM) seperti pelajar di SMKA.

### **SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN**

Bahasa Arab telah diperkenalkan pada tahun 1997 di peringkat sekolah rendah menerusi matapelajaran bahasa Arab komunikasi. Ia merupakan projek rintis yang melibatkan 97 buah sekolah kebangsaan di seluruh negara. Secara rasminya, pelaksanaan bahasa Arab komunikasi di sekolah kebangsaan dibuat mulai tahun 1998. Sehingga 31 Disember 2002, terdapat 910 buah sekolah kebangsaan yang telah menawarkan bahasa Arab komunikasi. Ia melibatkan 5,828 buah kelas dan 172,941 orang murid. Hasil kesinambungan dari tahun 1997, pada tahun 2003, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui surat pekeliling iktisas bil 8/2002, no rujukan : KP (BS) 8591/Jld. XIV/(9) mengarahkan supaya bahasa Arab komunikasi sekolah

rendah dilaksanakan sepenuhnya. Namun begitu, pada peringkat awal sekolah yang telah melaksanakan bahasa Arab komunikasi pada tahun 1998 sahaja dibenarkan membuka kelas bahasa Arab untuk murid-murid tahun satu. Sehingga tahun Disember 2003 seramai 57542 orang murid tahun satu di 907 buah sekolah telah mempelajari bahasa Arab komunikasi.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab diteruskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di peringkat sekolah rendah melalui program j-QAF yang dilaksanakan pada tahun 2005 secara berperingkat. Program ini diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah bin Ahmad Badawi. Pada peringkat awal, sebanyak 1,221 buah sekolah dan kini semua sekolah rendah kebangsaan di Malaysia melaksanakan program tersebut. Program j-QAF menekankan empat aspek yang utama untuk kecemerlangan pendidikan Islam iaitu, pengajaran jawi, al Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain. Pelaksanaan dibuat berperingkat dan dijangka semua sekolah rendah akan melaksanakan program ini pada tahun 2010.

Hal ini merupakan salah satu usaha pemantapan kurikulum demi meningkatkan kecemerlangan sekolah rendah. Usaha ini menjadi fokus strategi pelaksanaan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (KPM 2006). Kelebihan bahasa Arab di sekolah rendah kebangsaan mampu memberikan empat kemahiran kepada pelajar dari peringkat awal. Hasil pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah kebangsaan dapat dilihat di Majlis Tadarrus Al-Quran Sekolah (MTQS) sebagai aktiviti tahunan.

### **INSTITUSI PENGAJIAN AWAM / UNIVERSITI**

Institut pengajian awam pertama di Malaysia ialah Universiti Malaya (UM) yang mula ditubuhkan pada April 1949 di Singapura ketika itu berikutan penggabungan Kolej Perubatan King Edward VII (ditubuhkan pada 1905) dengan Kolej Raffles (ditubuhkan pada 1928). Dalam mewujudkan tenaga kerja yang selari dengan aspirasi negara melalui Rancangan Malaysia ke -7, pendidikan peringkat tertinggi diperlukan. Justeru selepas tragedi 13 Mei, institut pengajian awam di Malaysia semakin berkembang bagi menjana tenaga kerja yang mahir yang seimbang dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tempoh dua tahun, tiga buah universiti awam telah ditubuhkan Universiti Sains Malaysia (1969), Universiti Kebangsaan Malaysia (1970) dan Universiti Pertanian Malaysia (1971). Dasar-dasar pengajian tinggi digubal dan subsidi dikawal sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan ketika itu. Pengambilan pelajar juga mempunyai kuota yang ditetapkan terdiri daripada 55 % bumiputera dan 45% bukan bumiputera. Melalui institut pengajian awam, bahasa Arab dikembangkan pembelajarannya dalam fakulti yang berkaitan seperti fakulti pendidikan dan bahasa asing. Hal ini terus berkembang sehingga wujudnya pusat bahasa asing dalam institut pengajian awam di Malaysia.

### **PUSAT BAHASA**

Perkembangan bahasa Arab di Malaysia bukan sahaja bagi pelajar bahkan terbuka kepada masyarakat yang berminat. Pusat-pusat bahasa Arab ditubuhkan oleh pelbagai pihak. Antaranya, Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor yang terletak di Kg Jawa, Klang. Ditubuhkan pada tahun 2011 dan merupakan usaha gigih Bahagian Pendidikan Islam JAIS untuk kecemerlangan akademik dalam bidang Bahasa Arab. Tenaga pengajar terdiri daripada guru bahasa Arab luar Negara dan tempatan. Mereka ditempatkan di Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Banting dan Klang. Tenaga pengajar ini akan menguruskan segala program Pusat Bahasa Arab tersebut. Pusat ini juga tempat tumpuan pelajar yang ingin menyambung pengajian ke Timur Tengah dengan mendapatkan pembelajaran bahasa Arab secara intensif.

Institut-institut pengajian awam (IPTA) di Malaysia juga mempunyai pusat bahasa yang membolehkan pelajar mengikuti pembelajaran bahasa Arab. Antara pusat bahasa yang mempunyai pembelajaran bahasa Arab iaitu UiTM, UPM, USIM dan UM. Selain itu, pihak swasta juga menubuhkan beberapa kelas bahasa Arab dengan yuran yang bersesuaian dan terbuka kepada semua.

### **STRATEGI PENGAJARAN BAHASA ARAB ERA MILENIAL 4.0**

Dalam menyelusuri era revolusi industri 4.0, bahasa merupakan salah satu perkara penting selain teknologi. Bahasa Arab merupakan bahasa ketiga turut merasakan perkembangan revolusi ini. Beberapa strategi pengajaran dijalankan bagi memastikan bahasa Arab turut bersaing dalam perkembangan era milenial 4.0. Strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab era milenial 4.0 lebih menjurus kepada strategi pengajaran berpusatkan murid. Ini bermaksud, murid bertanggungjawab serta melibatkan diri dalam memahami kaedah belajar dan perkara yang dipelajari.

Strategi pemusatan murid ini, mampu memperkembangkan kebolehan murid dalam mengaplikasikan konsep sikap yang positif, mewujudkan motivasi dan memperkembangkan peribadi dalam kemahiran bersosial terutama dalam pembelajaran Bahasa Arab yang memerlukan 4 kemahiran iaitu mendengar, membaca, menurur dan menulis. Menurut Noriah et.al (2012), strategi pemusatan murid ini mampu mewujudkan suasana iklim bilik darjah yang membantu kepada kreativiti murid.

Selain itu, ia mampu meningkatkan perkembangan kognitif murid. Dalam menjayakan strategi pemusatan murid dalam pembelajaran abad ke-21 (PAK21), beberapa teknik pengajaran telah disusun bersesuaian dengan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab yang menepati konsep menggunakan teknologi ICT dalam mendepani era IR 4.0.

### ***QR CODE***

Quick Response Code (kod QR) merupakan satu platform merupakan kod bar dua dimensi, yang terdiri daripada satu modul hitam yang disusun dalam segi empat tepat pada latar belakang putih. "QR" yang bermaksud respon pantas kerana penciptanya menyatakan QR ini membolehkan kandungannya dikodkan pada kelajuan tinggi. Platform QR code bertujuan menyediakan satu persekitaran pembelajaran maya bercirikan persekitaran dan mobiliti. Di jelaskan Soloway (2002), teknologi mudah alih merupakan tuas untuk perubahan dalam potensi perubahan dalam persekitaran pendidikan.

Bagi menjayakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, terdapat beberapa komponen yang menjurus ke arah itu. Ia adalah konteks penggunaan teknologi mudah alih yang ditentukan oleh kreativiti, kolaborasi, transformasi pengetahuan, dan pendekatan pembelajaran penerokaan (Mueller et al., 2011). Menurut De Pietro and Fronter (2012), kod QR adalah penggunaan kaedah inovatif berdasarkan model pembelajaran bersama, oleh guru di mana penggunaannya mampu menyambungkan sumber digital kepada bahan cetak, menyokong aktiviti pembelajaran yang dipertingkatkan teknologi.

Kebaikan kod QR ini antaranya menurut Rouillard (2008), membantu dan memotivasi pelajar dengan gaya dan keperluan pembelajaran yang berbeza. Di samping itu, guru boleh membuat pemantauan dan penilaian terhadap pelajar melalui pemerhatian secara langsung dan disambungkan terus ke telefon dan kod QR (S0, 2009). Dengan mengimbas kod QR, pelajar boleh belajar melalui aktiviti yang terdapat di dalamnya di mana sahaja.

## CARA MUDAH BAGI MEMBINA BAR *CODE* ATAU *QR CODE*?

(1) Pergi ke url : <https://www.the-qr-code-generator.com>

(2) Kemudian Gambar 1 akan di paparkan, jika anda ingin meletakkan teks, boleh ke tab **FREE TEXT**, dan jika anda ingin memasukkan URL, boleh masukkan url address yang anda mahukan, sebagai contoh [www.safirulamar.com](http://www.safirulamar.com) (lihat Gambar 2)




Gambar 1




Gambar 2

(3) Selepas anda memasukkan maklumat maklumat di ruangan yang anda mahu, tekan butang **SAVE** (lihat Gambar 3), image boleh di **SAVE** dalam bentuk format PNG, SVG, EPS. Biasanya dalam format PNG dan nama kan fail imej anda di **FILENAME** (lihat Gambar 4)



Gambar 3



Gambar 4




(4) Dan seterusnya, tekan butang simpan (**SAVE**).



Gambar 5

(5) Dan buka di Microsoft Word, contoh : Taip **www.safirulamar.com** dan selepas itu tukar font tersebut kepada font barcode yang baru di download tadi!



Gambar 6

Imej boleh diletakkan di mana- mana yang anda mahukan seperti di surat, business card, letterhead, blog atau website . Dan mereka yang ingin mendapatkan maklumat dalam QR CODE ini, boleh scan (imbas) menggunakan aplikasi scan code versi android yang terdapat di Play Store seperti QR Code Reader, QR Code Scanner dan sebagainya.

### **FLIPPED CLASS**

Flipped Classroom menurut Baker (2000) merupakan salah satu strategi pengajaran bagi pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) menjurus kepada model pendekatan mengalihkan masa pembelajaran di dalam kelas melalui video di luar kelas. Kaedah flipped classroom adalah kaedah yang fleksibel dan mengandungi dua fasa pembelajaran. Fasa yang pertama ialah pembelajaran luar kelas (PLK) adalah di bawah kawalan pelajar dan ia diintegrasikan bersama penggunaan teknologi. Fasa kedua pula ialah pembelajaran dalam kelas (PDK) iaitu ketika sesi perkuliahan berlangsung. Waktu pembelajaran di dalam bilik darjah hanya aktiviti kolaborasi dan pengukuhan kepada pelajar secara individu.

Dengan erti kata lain, pelajar akan di berikan video, web link untuk ditonton dan difahami sebelum kelas bermula. Ketika sesi kelas bermula hanya pembelajaran berbentuk aktiviti sahaja akan berlaku. Dalam konteks pendidikan, flipped classroom merupakan strategi yang efektif bagi guru dalam membina kemahiran murid menghadapi cabaran masa depan. Strategi ini juga membantu guru membimbing murid dalam menjalankan aktiviti inkuiri dan penyelesaian masalah (inquiry-based & project-based) yang secara langsung mengukuhkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) secara sistematik dan efektif.

Selain itu, ia membantu dalam menggalakkan murid berinteraksi dan berkolaborasi sesama rakan secara lebih aktif. Strategi pemusatan murid dapat diolah dan dicapai dengan baik dan secara langsung menggalakkan serta meningkatkan “ *independent learning*”. Menurut Mgill (2010) pembelajaran kadar sendiri, pelajar mampu untuk lebih bertanggungjawab

terhadap pembelajaran murid seterusnya mencapai keupayaan bekerja secara individu. Flipped classroom ini juga melibatkan perbincangan secara online melalui whatapps, skype ataupun telegram. Daripada hasil perbincangan, murid akan membuat kajian di rumah serta membentangkan dapatan di dalam aktiviti pembelajaran di sekolah.

### GOOGLE CLASSROOM


Google Classroom merupakan pelantar web yang lebih efektif penggunaan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dibina oleh Google. Pelantar ini membolehkan para pendidik membangunkan sendiri bahan serta memperoleh bahan yang menerapkan teknologi terkini seperti Augmented Reality (AR) dan Virtual Reality (VR). Ia sesuai digunakan ke atas pelajar sekolah rendah.

Google Classroom merupakan aplikasi yang menepati ciri-ciri pembelajaran Abad Ke-21, di mana guru atau pelajar boleh mencipta ruang kelas secara maya, membantu menghantar tugas, melaksanakan penilaian tugas-tugas yang dikumpul melalui sistem secara teratur dan bersistematik. Semua rekod tugas disimpan oleh sistem mengikut tarikh dan kelas maya yang dicipta oleh guru tanpa bimbang jika berlaku penyalahgunaan oleh pelajar kerana Google Classroom memberikan hak mutlak akses kepada guru.

Google Classroom ini juga membolehkan guru mengatur tugas dan pelajar hanya mampu melihat, melakukan suntingan bahkan berkolaboratif juga melalui Google Classroom di bawah kawalan dan pemantauan guru yang sentiasa memantau perkembangan pelajar. Selain itu, ia menyediakan ruangan berforum bagi diskusi antara pelajar yang mampu membina satu situasi diskusi yang menyeronokkan dengan komen-komen yang dibina boleh dianggap umpama aktiviti memberi komentar di Facebook.

Kehadiran Google Classroom bukan sahaja mengganti pelantar Vle-Frog, penjimatan penggunaan kertas dan papan tulis, malah proses tersebut merupakan proses belajar dan mengajar lebih murah dan cepat. Tidak mustahil menggunakan Google Classroom boleh menggantikan kelas formal atau menjadi ruangan kelas pada masa akan datang. Menurut Bailey et al.,(2015) dalam usaha menjayakan penggunaan Google Classroom (GC) sebagai platform pembelajaran, aktiviti pembelajaran adalah amat bergantung kepada pedagogi, pengalaman pembelajaran, dan sumber pembelajaran yang digunakan.

Strategi pengajaran yang terancang dan teliti serta pelaksanaan yang bersistematik merupakan perkara utama dalam menjayakan pengajaran menggunakan platform Google Classroom ini. Aktiviti yang dirancang perlu menarik dan berasaskan teknologi merupakan strategi pengajaran berkonsepkan pendekatan teradun (Blended Learning) , di mana ia hasil gabungan teknologi dan kaedah instruksional dalam memenuhi keperluan pembelajaran pelajar. Rajah 1 menunjukkan model pusingan (*Rotation Model*) oleh Bailey et.al (2015).



Rajah 1: Model Pusingan (Rotation Model) oleh Bailey et al.(2015).

Proses ini dijayakan dalam persekitaran interaktif bagi mencapai objektif pengajaran. Menurut Bailey et.al (2015) mencadangkan Model Pusingan (*Rotation Model*) iaitu giliran aktiviti pembelajaran berpengantarakan teknologi (seperti Google Classroom). Model Pusingan ini menggabungkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan teknologi secara interaktif dan berkesan. Selain itu, aplikasi ini juga boleh diakses melalui laman sesawang Google serta boleh dimuat turun di telefon bimbit melalui aplikasi Playstore bagi sistem Android dan Appstore bagi sistem IOS. Lebih istimewanya, penggunaan Google Classroom dalam menyelesaikan tugas yang diberikan kepada pelajar boleh dipantau oleh ibubapa. Perkara ini bagi memastikan nilai tanggungjawab pada diri pelajar.

## KESIMPULAN

Strategi pengajaran dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua amat penting bagi memastikan pembelajaran tersebut lebih bermakna dan dapat dikuasai dengan baik oleh pelajar. Strategi pengajaran yang pelbagai membantu pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan tidak membosankan pelajar. Kesediaan guru dari pelbagai aspek terutama dalam teknologi ICT memberi peranan penting dalam menjalankan strategi pengajaran di samping memupuk minat murid terhadap bahasa Arab. Untuk proses ini, guru perlu memberikan motivasi dan menggalakkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti berpusatkan murid sepanjang pengajaran dan pembelajaran. Strategi pengajaran berasaskan teknologi ini perlu digarap dengan baik dan digembleng dengan bersistematik dalam pengajaran dan pembelajaran. Strategi ini juga memberi impak pada diri pelajar bahawa keperluan dan kepentingan teknologi dalam mempelajari bahasa Arab bukan sahaja dalam pembelajaran serta kehidupan tetapi dalam keperluan mendepani revolusi perindustrian 4.0.

## RUJUKAN

- Al- Nadawi, Abdul Razak wan Ahmad. 1990. *Al-Lughah Al Arabiah fi Maliziya Ba'da Istiqlal*, Tesis Sarjana tidak diterbitkan : Universiti Iskandariah.
- Arkib:18 Disember 2017, *Google Classroom memudahkan pembelajaran* ([www.utusan.com.my/pendidikan/google-classroom](http://www.utusan.com.my/pendidikan/google-classroom)).
- Arkib: 20 Februari 2002. *Alternatif SMKA-Aliran agama di sekolah biasa* (<http://ww1.utusan.com.my/utusan/>)
- Azlina A. Rahman, Baharuddin Aris, Hasnah Mohamed, Norasykin Mohd Zaid, dan Zaleha Abdullah. (2014). Flipped Classroom dalam Konteks Malaysia. Proceedings of the 2014 Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik (JIWA). 11- 13 October. Johor Baharu, Malaysia: UTM, 11-13.
- Bailey, J., Duty, L., Ellis, S., Martin, N., Mohammed, S., Owens, D., ... Wolfe, J. (2015). *Blended learning implementation guide 3.0*. [www.digitalearningnow.com/site/uploads/2013/09/BLIG-3.0-FINAL.pdf](http://www.digitalearningnow.com/site/uploads/2013/09/BLIG-3.0-FINAL.pdf)
- Baker, W. (2000). *The Classroom Flip: Using Web Course Management Tools Too Become The Guide By The Side*. Proceedings of the 11th International Conference on College Teaching and Learning. Jacksonville, Florida, 9-11.
- De Pietro, O. and Fronter, G. (2012) '*Mobile tutoring for situated learning and collaborative learning in AIML application using QR-code*', Sixth International Conference on Complex, Intelligent, and Software Intensive Systems, Palermo, Italy, pp.799-805.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (BPK). 2010. Pelaporan j-QAF Tahun 2010. Bahan tidak diterbitkan. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2007. Panduan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2000. *Pusat Perkembangan Kurikulum*.  
[http://sd15.edu.my/files/sp\\_pseni\\_kbsr.pdf](http://sd15.edu.my/files/sp_pseni_kbsr.pdf) [1 April 2010]
- Luqman Yusuf. 2000. Keberkesanan Sistem Pengajian Pondok: Satu Kajian Khusus Mengenai Pusat Pengajian Pondok, Bachok Kelantan dari Tahun 1984 Hingga 1997. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mgill, D.S. (2010). *What Part of Self Paced Don't You Understand?*. Proceedings of 24th Annual Conference on Distance Teaching and Learning. 05-08 August. Wisconsin, Conal: 1-5.
- Mueller, J., Wood, E. and De Pasquale, D. (2011) '*Students learning with mobile technologies in and out of the classroom*', in Mendez-Vilas, A. (Eds): Education in a Technological World: Communicating Current and Emerging Research and Technological Efforts, Formatex, Spain.
- Noriah, M. I. (2012). *Mentoring for Research Activities among Gifted and Talented Students*. In International Association of Prosecutors 2012 Strategic Business Plan. Bangi: PusatPERMATApintar™ Negara.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. 2006. (<https://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/articlefile>)
- Pengumuman : 01 Julai 2019, *Google Classroom (GC)*, ([www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my))
- Portal Pendidikan Islam JAIS, *Sejarah Pendidikan Islam*. ([www.pendidikan.jais.com.my](http://www.pendidikan.jais.com.my) )
- Rafā'il Nakhiah Al-Yasu'iy. 1986. *Ghara'ib al-Lughah al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Masyriq.
- Rosni bin Samah. 2009. Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rouillard, J. 2008. *Contextual QR codes*. In The Third International Multi-Conference on Computing in the Global Information Technology, 2008. ICCGI '08 (p. 50-55). IEEE
- ShafieAbu Bakar. 1984. KeArah Pembaikan dan Pengembangan Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia. Jurnal Pendidikan Islam, Bil. 2. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia
- So, S. 2009 '*A study on the acceptance of mobile phones for teaching and learning with a group of pre-service teachers in Hong Kong*'. Journal of Educational Technology Development and Exchange, Vol. 1, No. 1, pp.81-92.
- Soloway, E. 2002. *Palm-Sized Devices are the Personal Computers of Choice*. Colloquium Series, MIT Media Lab.